

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (Fi) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 378 dan perenggan 36 kepada Jadual 10 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Suruhanjaya Sekuriti, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2011.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2011.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

“Kod” ertinya Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 2010 [P.U.(B)538/2010].

**Fi berkenaan dengan cadangan berhubungan dengan sekuriti**

3. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 1 Bahagian VI Akta hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

**Fi berkenaan dengan pengambilalihan, percantuman dan pengambilan paksa**

4. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 2 Bahagian VI Akta hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

**Fi berkenaan dengan prospektus**

5. (1) Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 3 Bahagian VI Akta hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam—

- (a) Jadual Ketiga berkenaan dengan pengemukaan dan pendaftaran prospektus dan deposit memorandum maklumat selain berhubungan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan; dan
- (b) Jadual Keempat berkenaan dengan pengemukaan dan pendaftaran prospektus dan deposit memorandum maklumat berhubungan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan.

(2) Fi yang disebut dalam subperaturan (1) berkenaan dengan prospektus hendaklah kena dibayar sama ada Suruhanjaya mendaftarkan atau enggan mendaftarkan prospektus itu.

**Fi berkenaan dengan debentur**

6. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 4 Bahagian VI Akta hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

**Fi berkenaan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan**

7. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 5 Bahagian VI Akta, selain pengemukaan dan pendaftaran prospektus dan deposit memorandum maklumat hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

**Fi berkenaan dengan cadangan yang melibatkan penilaian aset**

8. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana cadangan yang melibatkan penilaian aset hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

**Penarikan balik, penolakan dan kajian semula keputusan Suruhanjaya**

9. (1) Jika mana-mana permohonan atau pengemukaan ditarik balik—

- (a) sebelum Suruhanjaya memulakan kerja terhadap permohonan atau pengemukaan, amaun penuh fi yang telah dibayar berkenaan dengan permohonan atau pengemukaan itu boleh dibayar balik; atau
- (b) selepas Suruhanjaya memulakan kerja terhadap permohonan atau pengemukaan, amaun penuh fi yang kena dibayar berkenaan dengan permohonan atau pengemukaan itu hendaklah kena dibayar.

(2) Jika suatu permohonan atau pengemukaan ditolak atau dikembalikan oleh Suruhanjaya, amaun penuh fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

(3) Jika suatu permohonan telah dibuat untuk kajian semula keputusan Suruhanjaya, tiada fi yang kena dibayar bagi permohonan itu.

**Fi bagi tindakan Suruhanjaya**

10. (1) Fi yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan deposit atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan, atau pendaftaran suatu dokumen oleh, Suruhanjaya atau berkenaan dengan apa-apa permohonan untuk kelulusan hendaklah dibayar pada masa dokumen itu dihantar serah kepada Suruhanjaya bagi deposit, penyerahsimpanan atau pendaftaran atau pada masa permohonan untuk kelulusan itu dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(2) Jika suatu fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini bagi atau berkenaan dengan deposit atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan atau pendaftaran suatu dokumen oleh Suruhanjaya atau berkenaan dengan apa-apa permohonan untuk kelulusan dan dokumen yang dikemukakan bagi deposit, penyerahsimpanan atau pendaftaran atau permohonan untuk kelulusan dikemukakan tanpa pembayaran fi itu, dokumen itu hendaklah disifatkan telah tidak didepositkan atau tidak diserahsimpankan dengan atau tidak dikemukakan bagi pendaftaran atau permohonan itu hendaklah disifatkan telah tidak dikemukakan sehingga fi itu dibayar.

### **Pembatalan**

11. Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Fee dan Bayaran) 1993 [P.U.(A) 422/1993] dan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Fi) 2000 [P.U.(A) 239/2000] dibatalkan.

**JADUAL PERTAMA**

[Peraturan 3]

**JADUAL FI BERKENAAN DENGAN CADANGAN BERHUBUNGAN DENGAN SEKURITI**

No.	<i>Cadangan berhubungan dengan sekuriti</i>	<i>Fi</i>	
1.	Terbitan awam awal	Jumlah modal berbayar yang diperbesar dari RM1.00 hingga RM2.9 bilion	RM50,000.00 + 0.05% daripada jumlah modal berbayar yang diperbesar (hingga RM2.9 bilion); dan
		Apa-apa baki yang melebihi RM2.9 bilion jumlah modal berbayar yang diperbesar	0.025% daripada baki jumlah modal berbayar yang diperbesar
2.	Pemerolehan atau skim penstrukturran semula yang mengakibatkan suatu perubahan yang penting dalam haluan perniagaan	Jumlah modal berbayar yang diperbesar dari RM1.00 hingga RM2.9 bilion	RM50,000.00 + 0.05% daripada jumlah modal berbayar yang diperbesar (hingga RM2.9 bilion); dan
		Apa-apa baki yang melebihi RM2.9 bilion jumlah modal berbayar yang diperbesar	0.025% daripada baki jumlah modal berbayar yang diperbesar
3.	Penyenaraian sekunder perbadanan tersenarai asing di Malaysia	RM50,000.00	
4.	Penyenaraian sekunder perbadanan tersenarai Malaysia di luar negeri	RM50,000.00	
5.	Pemindahan penyenaraian perbadanan tersenarai dalam pasaran alternatif ke pasaran	Jumlah modal berbayar yang diperbesar dari RM1.00 hingga RM2.9 bilion	RM50,000.00 + 0.05% daripada jumlah modal berbayar yang

No.	Cadangan berhubungan dengan sekuriti	<i>Fi</i>	
utama bursa saham		diperbesar (hingga RM2.9 bilion); dan	
	Apa-apa baki yang melebihi RM2.9 bilion jumlah modal berbayar yang diperbesar	0.025% daripada baki jumlah modal berbayar yang diperbesar	
6.	Kelulusan pekeliling atau dokumen pengenalan	RM10,000.00	
7.	Penubuhan dana tertutup baru	RM10,000.00 + 0.01% daripada modal berbayar	
8.	Peningkatan modal berbayar untuk dana tertutup	RM2,000.00 setiap dana	
9.	Permohonan lain	RM2,000.00	

JADUAL KEDUA

[Peraturan 4]

JADUAL FI BERKENAAN DENGAN PENGAMBILALIHAN, PERCANTUMAN DAN  
PENGAMBILAN PAKSA

No.	Perihalan	Fi
1.	Kelulusan dokumen tawaran	Nilai tawaran dari RM1.00 hingga RM2.98 bilion
		RM10,000.00 + 0.05% daripada nilai tawaran (hingga RM2.98 bilion); dan
	Apa-apa baki yang melebihi RM2.98 bilion nilai tawaran	0.025% daripada baki nilai tawaran
2.	Kelulusan pekeliling nasihat bebas	RM5,000.00
3.	Pengecualian daripada obligasi tawaran pengambilalihan mandatori	RM15,000.00
4.	Pengecualian daripada peruntukan Kod selain butiran 3 di atas	RM7,000.00
5.	Arahan	RM7,000.00
6.	Tatacara pengambilan paksa	RM2,000.00
7.	Lanjutan tempoh masa	RM2,000.00
8.	Lain-lain	RM2,000.00

**JADUAL KETIGA**  
**[Perenggan 5(1) (a)]**

**JADUAL FI BERKENAAN DENGAN PENGEMUKAAN DAN PENDAFTARAN PROSPEKTUS  
DAN DEPOSIT MEMORANDUM MAKLUMAT**  
SELAIN BERHUBUNGAN DENGAN SKIM UNIT AMANAH DAN SKIM PELABURAN  
DITETAPKAN

<i>No.</i>	<i>Perihalan</i>	<i>Prospektus</i>	<i>Prospektus ringkas</i>	<i>Prospektus tambahan atau gantian</i>	<i>Prospektus asas</i>	<i>Prospektus asas tambahan atau gantian</i>	<i>Kertas terma</i>
1.	Pengemukaa n dan pendaftaran	RM15,000.00	RM8,500.00	RM6,500.00	RM7,500.00	RM3,250.00	RM500.0 0
2.	Memproses permohonan untuk pengecualian daripada Garis Panduan Prospektus			RM3,500.00 setiap permohonan			
3.	Deposit memorandum maklumat			RM500.00 setiap memorandum maklumat			

JADUAL KEEMPAT

[Perenggan 5(1)(b)]

JADUAL FI BERKENAAN DENGAN PENGEMUKAAN DAN PENDAFTARAN PROSPEKTUS  
DAN  
DEPOSIT MEMORANDUM MAKLUMAT  
BERHUBUNGAN DENGAN SKIM UNIT AMANAH DAN SKIM PELABURAN DITETAPKAN

No.	Perihalan	Fi
1.	Pengemukaan dan pendaftaran prospektus (termasuk prospektus ringkas) untuk skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan yang baru	RM3,000.00 + RM100.00 bagi setiap dana yang ditubuhkan di bawah mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan
2.	Pendaftaran prospektus untuk pembaharuan prospektus	RM1,500.00 + RM100.00 bagi setiap dana yang ditubuhkan di bawah mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan
3.	Pengemukaan dan pendaftaran prospektus tambahan atau gantian	RM1,500.00 + RM100.00 bagi setiap dana yang ditubuhkan di bawah mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan
4.	Deposit memorandum maklumat	RM500.00 setiap memorandum maklumat

JADUAL KELIMA

[Peraturan 6]

JADUAL FI BERKENAAN DENGAN DEBENTUR

No.	Jenis permohonan	Nilai nominal sekuriti diterbitkan	Fi
1.	Terbitan debentur jenis ringgit dan sekuriti Islam	Kurang daripada RM50 juta	RM10,000.00
		RM50 juta hingga kurang daripada RM100 juta	RM30,000.00
		RM100 juta dan lebih	RM50,000.00
2.	Terbitan debentur jenis mata wang asing dan sekuriti Islam	-	RM10,000.00
3.	Terbitan produk berstruktur	Kurang daripada RM50 juta	RM10,000.00
		RM50 juta hingga kurang daripada RM100 juta	RM30,000.00
		RM100 juta dan lebih	RM50,000.00
4.	Terbitan sekuriti berdasarkan aset	Kurang daripada RM100 juta	RM50,000.00
		RM100 juta dan lebih	RM100,000.00
5.	Lanjutan tempoh masa; Semakan terma; dan Permohonan lain	-	RM2,000.00 setiap permohonan
6.	Fi pemfailan: memorandum maklumat atau pekeliling tawaran atau prospektus asas atau surat ikatan amanah	-	RM500.00 setiap memorandum maklumat atau pekeliling tawaran atau prospektus asas atau surat ikatan amanah
7.	Notis menurut penawaran produk berstruktur	-	RM100.00 setiap notis yang difaiklan

JADUAL KEENAM

[Peraturan 7]

JADUAL FI BERKENAAN DENGAN SKIM UNIT AMANAH DAN SKIM PELABURAN  
DITETAPKAN  
SELAIN PENGEMUKAAN DAN PENDAFTARAN PROSPEKTUS DAN  
DEPOSIT MEMORANDUM MAKLUMAT

No.	Perihalan	Fi
1.	Pengemukaan surat ikatan	RM3,000.00 + RM100.00 setiap dana tersenarai yang ditubuhkan di bawah mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan
2.	Pendaftaran surat ikatan berhubungan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan	RM1,500.00 + RM100.00 setiap dana yang ditubuhkan di bawah mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan
3.	Pengemukaan surat ikatan tambahan (untuk dana tersenarai sahaja)	RM1,000.00
4.	Pendaftaran surat ikatan tambahan	RM1,000.00
5.	Kelulusan syarikat pengurusan (tidak terpakai kepada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan di bawah Akta)	RM2,000.00
6.	Penyerahsimpanan dokumen	RM100.00 setiap dokumen
7.	Penubuhan skim baru (tidak termasuk amanah pelaburan hartanah dan dana dagangan bursa)	RM5,000.00 setiap dana yang tidak tersenarai atau RM10,000.00 + 0.01% daripada permodalan pasaran bagi setiap dana yang dicadangkan untuk disenaraikan
8.	Penubuhan amanah pelaburan hartanah baru	RM10,000.00 + 0.01% daripada permodalan pasaran
9.	Penubuhan dana dagangan bursa baru	RM10,000.00
10.	Peningkatan had saiz dana	RM500.00 setiap dana yang tidak tersenarai atau RM2,000.00 setiap

No.	Perihalan	Fi
	dana tersenarai, yang ditubuhkan di bawah apa-apa skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan	
11.	Pengecualian atau perubahan daripada garis panduan	RM500.00 setiap pengecualian atau perubahan bagi setiap dana yang ditubuhkan di bawah mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan
12.	Lanjutan tempoh masa daripada pematuhan garis panduan atau syarat kelulusan Suruhanjaya	RM1,000.00 setiap permohonan
13.	Penstruktur semula syarikat pengurusan (tidak terpakai kepada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan di bawah Akta)	RM2,000.00 setiap permohonan
14.	Pelantikan pengurus dana atau penasihat dana asing	RM2,500.00
15.	Pelantikan wakil yang tidak dilesenkan oleh Suruhanjaya untuk syarikat pengurusan	RM1,000.00
16.	Pengemukaan cadangan yang disemak semula	10% tambahan daripada jumlah amaun fi yang kena dibayar
17.	Penyenaraian sekunder dana tersenarai asing	RM10,000.00
18.	Kelulusan pemegang amanah	Tiada
19.	Pendaftaran atau pendaftaran semula ahli jawatankuasa Shariah atau penasihat Shariah dana	Tiada
20.	Permohonan lain jika tiada fi yang diperuntukkan secara nyata	RM1,000.00 setiap permohonan

Bagi tujuan Jadual ini, dana termasuklah sub-dana.

JADUAL KETUJUH

[Peraturan 8]

JADUAL FI BERKENAAN DENGAN PENILAIAN ASET

No.	Perihalan	<i>Fi</i>
1.	Kajian semula penilaian aset	RM3,000.00 + 0.01% daripada nilai pasaran* tertakluk kepada amaun maksimum sebanyak RM100,000.00
2.	Memproses permohonan pengecualian daripada garis panduan	RM2,000.00

\*Berdasarkan kepada jumlah nilai pasaran semua aset yang terlibat dalam setiap pengemukaan atau permohonan.

Dibuat 11 Mac 2011

[SC/RS(A&R)/FEES.5/11(023)-1D;PN(PU<sup>2</sup>)662/V]

ZARINAH ANWAR

*Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti*

Diluluskan 11 Mac 2011

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1;PN(PU<sup>2</sup>)662/V]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

*Menteri Kewangan Kedua*